

TATABAHASA

Kata Kerja

Kata kerja ialah perkataan yang merujuk kepada sesuatu perbuatan atau perlakuan yang dilakukan oleh manusia, haiwan atau benda.

Kata kerja terdiri daripada kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

Kata Kerja Transitif

Kata kerja transitif ialah kata yang menerangkan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh pembuat (subjek) terhadap sesuatu benda (objek).

Kata kerja ini mesti diikuti objek atau penyambut untuk memlenkapkan maksudnya.

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Transitif	Objek
Ayah	mencuci	kereta
Nelayan	menangkap	ikan di laut
Rozi	menyapu	sampah

Latihan

A. Pilih kata kerja yang sesuai.

1. Nadia sedang (menyediakan, menyelesaikan) masakan kegemaran abangnya.
2. Fikri (mengasah, menggosok) bajunya sebelum pergi ke sekolah.
3. Pak Hasan (membungkus, menyimpan) syiling-syiling dalam kotak.
4. Suraya suka (menonton, melihat) televisyen.
5. Pak Cik Mahmud (menebas, menebang) pokok kelapa yang sudah reput itu.

B. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

membuka

mendapat

merawat

menghidap

mengikut jejak

Cita-cita Hasan

Hasan seorang budak yang rajin. Dia sentiasa () keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Dia bercita-cita hendak menjadi seorang doktor. Hasan ingin () pak ciknya () klinik sendiri. Hasan ingin () dan membantu orang ramai yang () pelbagai penyakit.

Nama..... Kelas 6 Nombor